

# Kerjasama warga UMS perlu

Oleh JOHN TAMBANAN

► Bina hubungan erat dengan pemain industri

**KOTA KINABALU:** Universiti mesti membina dan mengekalkan hubungan yang erat dengan pelbagai pemain industri di negeri ini.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata universiti tidak dapat bekerja bersendirian dan mesti mempunyai rakan industrinya sendiri.

“Setiap unit di universiti mesti mempunyai rakan industrinya sendiri. Sebagai contoh, unit perubatan kita boleh bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan atau mana-mana hospital swasta,” katanya ketika berucap



**KAMARUDIN** (dua kiri) selepas menandatangani perjanjian pengkomersilan dengan wakil Denim Care.

menyempurnakan majlis perasmian dan penutupan Pertandingan Pertandingan

Penyelidikan dan Rekacipta (Pereka) 2017 di Kompleks Dewan Kuliah Pusat Ke-2

UMS pada Rabu. Selain menghasilkan modal insan, sebuah universiti



**KAMARUDIN** (dua kiri) selepas menandatangani perjanjian pengkomersilan dengan wakil Villaco.

“Setiap unit di universiti mesti mempunyai rakan industrinya sendiri. Sebagai contoh, unit perubatan kita boleh bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan atau mana-mana hospital swasta.”

**PROF DATUK DR D KAMARUDIN D MUDIN**  
Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS)

juga bertanggungjawab menghasilkan hartanah intelektual yang berkualiti tinggi menerusi aktiviti penyelidikan dan inovasi, seperti pertandingan pereka.

Beliau berkata universiti di era ini harus menggandakan usaha mereka yang harus diterjemahkan ke dalam produk yang dapat dilihat oleh orang ramai.

“Untuk mencapai matlamat ini, warga UMS

perlu bekerjasama dengan tema dan saluran yang sama,” katanya.

Acaraiturutmenyaksikan majlis menandatangani perjanjian pengkomersilan antara UMS, Villaco Sdn Bhd dan Denim Care Sdn Bhd.

Perjanjian itu adalah untuk UMS Eco-Solar Dryer dan perumusan agen penetapan bagi aplikasi penyelidikan tekstil terhadap Indigo Dye.

Kamarudin berkata Eco-Solar Dryer telah dicipta oleh

Dr Jidon Janaun bersama Villaco manakala Ejen Penetapan Tekstil telah dirumuskan oleh Prof Madya Dr Coswald Sipaut @Mohd Nazri bersama Denim Care.

Sebanyak 249 projek dipertandingkan, 186 daripadanya adalah untuk kategori penyelidikan dan 63 lagi projek untuk kategori inovasi.

“Angka ini konsisten dengan angka tahun lepas. Ia membuktikan budaya penyelidikan dan inovasi dalam kalangan warga UMS masih wujud,” katanya.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor UMS (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Shahril Yusof, yang telah menyampaikan hadiah kepada pemenang pingat emas (bagi kategori penyelidikan dan inovasi) Pereka 2017.



**SEBAHAGIAN** pemenang pingat emas Pereka 2017.